

TERMS AND CONDITIONS FOR CREDIT/DEBIT CARD PAYMENT/STANDING INSTRUCTION (CCSI) FOR PAYMENT OF TAKAFUL CONTRIBUTIONS / TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT / DEBIT / ARAHAN TETAP (CCSI) UNTUK PEMBAYARAN CARUMAN TAKAFUL

Terms & Conditions

In consideration of SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD, including its subsidiary SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD ("the Company") agreeing to accept my authorisation to debit my Credit/Debit Card account to pay takaful contributions, I expressly agree to be bound by the following terms and conditions: / *Sebagai balasan di atas persetujuan SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD, termasuk anak syarikatnya SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD ("Syarikat") untuk menerima kebenaran untuk mendebit akaun Kad Kredit/Debit saya bagi membayar caruman takaful, saya dengan ini bersetuju untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat berikut:*

1. The first debit shall commence any time from the date of submission of this form/application. Subsequent debits will be made in accordance with the frequency of contribution payment selected. / *Debit pertama akan berkuat kuasa pada bila-bila masa daripada tarikh penghantaran borang /permohonan ini. Debit seterusnya akan dibuat mengikut kekerapan bayaran caruman yang dipilih.*
2. Takaful protection shall only commence from the date of approval of the proposal subject to the contributions being paid. For applicability of interim cover for Individual Family Takaful plans, please refer to the terms on our Company website at www.takaful-malaysia.com.my. / *Perlindungan takaful hanya akan berkuat kuasa dari tarikh kelulusan cadangan tertakluk pada caruman yang dibayar. Untuk perlindungan sementara Pelan Takaful Keluarga Individu, sila rujuk terma-terma yang tertera pada laman web Syarikat di www.takaful-malaysia.com.my.*
3. The contribution amount will be debited to the applicant's credit/debit card account subsequent to successful charging and processing by the cardholder issuing bank and the Company's merchant bank. Contributions are deemed paid only with successful processing by the banks. / *Jumlah caruman akan didebitkan ke akaun kad kredit/debit pemohon setelah transaksi berjaya dilaksanakan oleh bank pengeluar pemegang kad dan bank dagang Syarikat. Caruman dianggap berbayar hanya apabila proses pendebitan oleh bank berjaya.*
4. In the event that the contribution amount stated differs from the actual contributions or the contributions stated are revised due to changes from time to time as advised by the Company, the Company is authorised to amend where necessary and debit the actual contributions accordingly. / *Sekiranya caruman yang dinyatakan berbeza daripada caruman sebenar atau caruman yang dinyatakan disemak semula akibat perubahan dari semasa ke semasa seperti yang dinasihatkan oleh pihak Syarikat, Syarikat diberi kuasa untuk meminda mana-mana yang perlu dan mendebitkan caruman sebenar dengan sewajarnya.*
5. Receipts will not be issued for contribution payments made through this direct debit facility. I will refer to my credit/debit card statement for confirmation of payments. / *Resit tidak akan dikeluarkan bagi caruman yang dibayar melalui kemudahan debit terus ini. Saya akan merujuk pada penyata kad kredit/debit saya untuk pengesahan pembayaran.*

TERMS AND CONDITIONS FOR CREDIT/DEBIT CARD PAYMENT/STANDING INSTRUCTION (CCSI) FOR PAYMENT OF TAKAFUL CONTRIBUTIONS / TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT / DEBIT / ARAHAN TETAP (CCSI) UNTUK PEMBAYARAN CARUMAN TAKAFUL

6. I will ensure that the Company is notified in writing (**whether by written notice or via electronic means**) of any changes, loss or replacement of my credit/debit card or cancellation of this authorisation at least one (1) month before the next contribution due date. Such changes or cancellation will become effective only after the Company has duly acknowledged receipt of such request. / *Saya akan memastikan Syarikat dimaklumkan secara bertulis (sama ada secara bertulis atau melalui media elektronik) tentang apa-apa perubahan, kehilangan atau penggantian kad kredit/debit saya atau pembatalan kebenaran ini sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum caruman berikutnya perlu dibayar. Perubahan atau pembatalan seperti itu hanya akan berkuat kuasa setelah Syarikat mengesahkan penerimaan permintaan yang sepatutnya.*
7. The Company shall not be held responsible or liable for any claims, losses, damages, costs and expenses arising from the successful processing of the debit or the unsuccessful processing of the debit as a result of card exceeding credit limit, system malfunction, electricity failure, inaccurate or insufficient information provided and any other factors beyond the control of the Company. / *Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang timbul akibat proses pendebitan yang berjaya atau proses pendebitan yang tidak berjaya akibat melebihi had kredit, sistem tidak berfungsi, kegagalan elektrik, menerima maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap atau lain-lain faktor di luar kawalan Syarikat.*
8. I hereby agree to indemnify and keep the Company indemnified against any claims, losses, damages, costs and expenses which the Company may incur arising from my authorisation to debit my Credit/Debit card or any errors in relation to the authorisation. / *Saya dengan ini bersetuju untuk membayar ganti rugi dan melindungi pihak Syarikat terhadap mana - mana tuntutan, kerugian, kerosakan dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Syarikat akibat daripada kebenaran yang diberikan untuk mendebit akaun Kad Kredit/Debit saya atau sebarang kesilapan berkaitan kebenaran ini.*
9. The Company reserves the right to change the Terms and Conditions set out therein at any time or from time to time without prior notice to me or to the certificate owner. / *Syarikat mempunyai hak untuk mengubah Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu kepada saya atau pemilik sijil.*
10. In the event of a conflict of interpretation between the English version used and those translated into Bahasa Malaysia, the English version shall prevail. / *Sekiranya terdapat percanggahan interpretasi di antara versi Bahasa Inggeris yang digunakan dan terjemahan Bahasa Malaysia, maka versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.*